

# Berita Stats

www.statistics.gov.my



MALAYSIA



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

Bil. 2/2014  
Julai - Disember 2014

E.mel

[jpbkpp@stats.gov.my](mailto:jpbkpp@stats.gov.my)

No. ISSN : 0128 8563



Menarik di Dalam...

**15** Sesi *Engagement* bersama Agensi Kerajaan berkenaan Statistik KDNK Kaedah Pendapatan

**16** Pembentangan Kertas Teknikal Jabatan Ke-6, 2014

**17** *The ISI Regional Statistics Conference* ( ISI-RSC 2014 )

# Kandungan

Julai - Disember 2014



**03** Perutusan Ketua Perangkawan

**04** Tinta Pengarang

**05** Profil Pengarah

**09** Tribute to YBrs. Pn. Hjh. Kelsom Elias

**10** Lawatan

**11** Kunjungan Hormat

**12** Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)

- UUM
- UTHM

**14** Sesi Temuramah Ketua Perangkawan Malaysia bersama Media bagi Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) dan Banci Perdagangan Edaran (CDT) 2014

**15** Sesi *Engagement* bersama Agensi Kerajaan berkenaan Statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan

**16** Pembentangan Kertas Teknikal Jabatan Ke-6, 2014

**17** *The ISI Regional Statistics Conference (ISI-RSC 2014)*

**18** Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014

**19** Majlis Apresiasi Media Bersama Jabatan Perangkaan Malaysia

**20** Majlis Sambutan Hari Integriti Jabatan Perangkaan Malaysia 2014

**21** Majlis Silaturahmi dan Pengimaraham Ramadhan Al-Karem 1435H/2014M

**21** Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan

**22** Aktiviti Pameran

**23** Aktiviti Sosial dan Kebajikan

- Lawatan Turun Padang PUSPANITA
- Pertandingan Badminton antara Bahagian JP 2014 (Tertutup)



## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan  
Ketua Perangkawan Malaysia

### Ketua Pengarang

Tuan Haji Ismail bin Yusoff  
Timbalan Ketua Perangkawan  
Program Ekonomi

### Penolong Ketua Pengarang

Puan Rafiza binti Ramli  
Pengarah  
Bahagian Korporat dan Khidmat  
Pegguna (BKKP)

### Pengarang

Encik Khairulnizam Hassan (BKKP)  
Encik Azmi Ali (BKKP)  
Encik Sharisuparman Supar (ILSM)  
Puan Norrita Amran (BKKP)  
Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)  
Puan Faiza Rusrianti Tajul Arus (BMP)  
Encik Rushdi Mohamad Khir (JPWP)  
Puan Hana Sardan (BKKP)  
Puan Siti Isnorhana Ibrahim (BKKP)

### Pengurusan Percetakan

Encik Nazrul Ikmal Ismail (BKP)

### Setiausaha

Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)

### Rekabentuk dan Cetakan

Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

BLOCK C6, COMPLEX C, FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE, 62514 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8885 7000

E-MAIL: [jpbkcp@stats.gov.my](mailto:jpbkcp@stats.gov.my)

FAX: 03-8888 9248

WEBSITE: <http://www.statistics.gov.my>

BIL. 02 EDISI 2014

# PERUTUSAN

## Ketua Perangkawan Malaysia

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1Statistik.

**Alhamdulillah** dan bersyukur ke hadirat Ilahi sekali lagi penghubung berita serta aktiviti Jabatan dapat dizahirkan melalui pengeluaran Berita Stats Bil 2/2014 ini. Banyak yang dapat dikongsikan bersama melalui makalah yang amat berharga ini.

Penggal setengah tahun kedua Julai-Disember 2014 telah berjaya diharungi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan serta tidak kurang dimasukkan dengan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan mutu kerja dan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Dalam tahun 2014, Jabatan telah menjayakan dua aktiviti utama iaitu Banci Perdagangan Edaran (CDT) yang bermula dari Mac 2014 dan berakhir pada September 2014 serta Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) yang bermula pada Januari 2014 dan telah berakhir pada Disember 2014.

Pada tahun ini juga Jabatan menerima pelawat daripada luar negara yang berminat untuk menjalin persahabatan dan bertukar-tukar ilmu serta pengalaman dalam bidang statistik iaitu delegasi daripada Madagaskar, Afghanistan dan Lao PDR. Memorandum Persefahaman juga dimeterai dengan dua universiti tempatan iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 19 September 2014 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 5 Disember 2014. Melalui MoU ini, pihak universiti telah dibekalkan dengan data mikro bagi penyiasatan dan banci terpilih.

Penyertaan aktiviti pameran oleh Jabatan Perangkaan Malaysia juga tidak kurang hebatnya. Untuk setengah tahun kedua banyak penyertaan pameran yang disertai oleh Jabatan antaranya penyertaan dalam *The ISI Regional Statistics Conference (ISI-RSC 2014)*. Melalui penyertaan seperti ini aktiviti dan produk terkini Jabatan dapat dipromosikan di peringkat antarabangsa. Jabatan juga terlibat semasa persidangan Tahunan PUSPANITA 2014 dengan penyertaan pameran selama dua hari.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas usaha murni yang ditunjukkan oleh warga Jabatan yang amat komited dalam melaksanakan tugas. Kejayaan yang dikecapi untuk tahun 2014 diharapkan akan diteruskan pada tahun 2015. Semoga Berita Stats menjadi panduan kepada semua pihak untuk mengenali dengan lebih dekat Jabatan Perangkaan Malaysia.

*Sekian, terima kasih.*

YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hasan



# Jinta Pengarang



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera, dan Salam 1Statistik.

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan izinNya Berita Stats Bil. 2/2014 berjaya diterbitkan sekali lagi untuk tatapan warga Jabatan. Pelbagai maklumat dan aktiviti Jabatan dapat dikumpulkan dalam Berita Stats ini yang boleh dijadikan simpanan kenangan dan panduan kepada warga kerja semua. Saya mengharapkan melalui berita yang disampaikan ini masyarakat umum mengetahui dengan lebih dekat Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tahun 2014 (Julai – Disember 2014) telah sarat dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan warga kerja Jabatan Perangkaan Malaysia begitu juga bersama penglibatan dengan agensi antarabangsa, agensi kerajaan, institusi pendidikan mahu pun masyarakat awam.

Pada tahun ini kita mengadakan sesi temuramah Ketua Perangkawan Malaysia bersama media sempena pengenalan publisiti Banci Perdagangan Edaran (CDT) bermula April hingga September 2014 dan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) mulai Januari hingga Disember 2014. Alhamdulillah liputan yang diberikan kepada sesi temuramah ini amat mengalakkan. Malah informasi tentang aktiviti yang sedang dilaksanakan mendapat pencerahan yang sewajarnya oleh orang ramai.

Selain itu juga, Jabatan juga turut mengadakan beberapa majlis sambutan bagi keraian di peringkat Jabatan antaranya Majlis Silaturahmi dan Pengimaraham Ramadhan Al-Karem 1435H/2014M, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan dan Majlis Sambutan Hari Integriti Jabatan Perangkaan Malaysia 2014. Aktiviti seperti

ini amat digalakkan bagi memastikan warga kerja Jabatan turut terlibat dalam program yang dapat mengeratkan lagi silaturrahim. Pemahaman dan peringatan mengenai integriti juga penting bagi memastikan warga kerja yang dilahirkan amanah, cekap dan berkredibiliti dapat dizahirkan.

Manakala aktiviti sosial juga tidak dilupakan. Antara yang berlangsung pada tahun 2014 ialah Lawatan Turun Padang Yang Dipertua PUSPANITA ke Jabatan Perangkaan Malaysia serta Pertandingan Badminton antara JP 2014 (tertutup) telah berjalan seperti yang dirancang.

Inilah antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2014 dan diharapkan untuk tahun 2015 lebih banyak lakaran dan kenangan manis dapat dicatatkan dalam Berita Stats Jabatan serta menjadi tatapan semua bagi mengenali Jabatan ini dengan lebih dekat lagi.

Akhir kata, ucapan tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi di atas usaha melahirkan penerbitan pada kali ini. Sehingga bertemu lagi dipenerbitan yang akan datang.

Salam hormat.



*In. Hj. Ismail bin Yusoff*  
Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi)





# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PERAK

Nama	: Muhammad Amri bin Idris	Pendidikan Menengah	: Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar
Tarikh Lahir	: 08 Julai 1971	Kelulusan	: Bachelor Sains (Kepujian)-Statistik, Universiti Pertanian Malaysia, 1995
Tempat Lahir	: Kedah	Mula berkhidmat / Iantikan	: 01 Ogos 1996
Pendidikan Rendah	: Sekolah Rendah Kebangsaan Iskandar, Alor Setar		

### Pengalaman Kerja :

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1	1 Ogos 1996	Bahagian Dasar Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Perangkawan Gred N3
2	1 Apr. 2005	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang	Perangkawan Gred N44
3	1 Ogos 2006	Bahagian Perangkaan Perdagangan Luar Negeri	Perangkawan Gred N44
4	1 Dis. 2006	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan & Perbelanjaan	Perangkawan Gred N48
5	1 Okt. 2008	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan	Perangkawan Gred E52(M)
6	1 Okt. 2009	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak	Perangkawan Gred E52
7	1 Sept. 2014	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak	Perangkawan Gred E54(M)

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1	<i>ITU World Telecommunication / ICT Indicators (WTI) Meeting</i>	Kaherah, Mesir	3 - 5 Mac 2009
2	<i>Seminar on the Compilation of Merchandise Trade Statistics</i>	Bangkok, Thailand	15 - 17 Nov. 2008
3	<i>Group Training Course on Industrial and Commercial Statistics</i>	Tokyo, Jepun	14 Okt. - 13 Nov. 2003

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1	Bengkel Analisis Data Berskala Kecil Negeri Perak	Swiss Garden Lumut	6 Feb. 2014
2	<i>The 9th Islamic Countries Conference on Statistical Sciences 2007</i>	Hotel Concorde, Shah Alam	12 - 14 Dis. 2007
3	Bengkel Penyediaan dan Pelaksanaan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama	INTEKMA RESORT	26 - 29 Nov. 2007
4	<i>Country Course on Price Statistics and The International Comparison Programme</i>	Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia	23 - 27 April 2007
5	Kursus <i>Effective Leadership</i>	Puteri Resort, Melaka	13-15 Sep. 2006
6	<i>Winning Team for Champions</i>	Hotel Palm Garden, Putrajaya	8 - 10 Okt. 2004
7	Kursus <i>Effective Negotiation</i>	MITI, KL	5 - 6 Ogos 2004
8	Sesi Anjakan Paradigma bagi Perangkawan	Park Avenue, Sg. Petani, Kedah	6-9 Mei 2004
9	<i>National Symposium on Science and Technology</i>	Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan	28 - 30 Jul. 2003
10	<i>Seminar on Enhancing Malaysia's Competitiveness</i>	Hotel Sheraton, Subang	7 Feb. 2002



# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

Nama : Zuraidy Bin Hj Zainal Abidin  
 Tarikh Lahir : 10 April 1974  
 Tempat Lahir : Taiping, Perak  
 Pendidikan Rendah : Sek. Keb. Kampung Batu, Kuala Lumpur  
 Sek. Keb. Pedas, Negeri Sembilan  
 Pendidikan Menengah : Sek. Men. Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan  
 Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian)  
 Mula Berkhidmat / Lantikan : 01 September 1999

### Pengalaman Kerja:

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	1 Sept. 1999	Bahagian Perhubungan & Operasi	Perangkawan N3
2.	15 Mei 2000	Pusat Prosesan Banci Penduduk 2000, Negeri Terengganu	Ketua Pusat Prosesan Banci
3.	2 Mei 2001	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor	Perangkawan N3
4.	1 Feb. 2002	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah	Perangkawan N41
5.	17 Mei 2004	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Kewangan Banci Pertanian)	Perangkawan N41
6.	15 Feb. 2005	Bahagian Perangkaan Perindustrian & Binaan	Perangkawan N41
7.	1 Dec. 2006	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan	Perangkawan E44/48
8.	Sept. 2012	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu	Pengarah E52

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>UNWTO Workshop on Developing Tourism Statistics &amp; The Tourism Satellite Account Project</i>	Cebu, Philippines	22 - 23 Okt. 2008
2.	<i>UNWTO 2nd Workshop on Tourism Statistics Capacity-Building Programme for Asia-Pacific</i>	Manila, Philippines	4 - 6 Jul. 2011
3.	Lawatan Sambil Belajar Penyusunan Statistik Pelancongan & Akaun Satelit Pelancongan	Statistics New Zealand, Wellington	15 - 17 Nov. 2011
4.	<i>UNWTO 3rd Workshop on Tourism Statistics Capacity-Building Programme for Asia-Pacific</i>	Bangkok, Thailand	5 - 9 Mac 2012

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Country Course on Analysis of Survey Data</i> anjuran UNSIAP	Putrajaya	12 - 17 Jul. 2004
2.	Kursus <i>Effective Leadership &amp; Interpersonal Skills for Managers</i>	Melaka	13 - 15 Sept. 2006
3.	<i>World Tourism Conference 2010</i>	Kota Kinabalu, Sabah	4 - 6 Okt. 2010
4.	Kursus <i>Transformational Leadership</i>	ILSM, Perak	31 Okt. - 2 Nov. 2012
5.	Kursus Pengurusan Kewangan dan Tatatertib	ILSM, Perak	9 - 11 Okt. 2013
6.	Seminar <i>Blue Ocean Strategy</i>	INTIM, Kemaman Terengganu	21 Nov. 2013
7.	Persidangan <i>ISI Regional Statistics Conference 2014</i>	Sasana Kijang Bank Negara Malaysia	17 - 19 Nov. 2014



# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA NEGERI KEDAH

Nama	: Suzana binti Hj Abu Bakar	Pendidikan Menengah	: Kolej Tunku Kurshiah, Seremban
Tarikh Lahir	: 17 Julai 1971	Kelulusan	: Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik
Tempat Lahir	: Lurah Bilut, Bentong, Pahang	Mula berkhidmat / Iantikan	: 1 Julai 1996
Pendidikan Rendah	: Sekolah Kebangsaan Sultan Abu Bakar, Mentakab Sekolah Kebangsaan Teruntum, Kuantan		

### Pengalaman Kerja:

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	1 Jul. 1996	Bahagian Perancangan dan Sistem Maklumat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia	Perangkawan N3
2.	1 Mei 2005	Bahagian Perangkaan Demografi	Penolong Pengarah E44
3.	18 Dis. 2006	Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri	Perangkawan E48
4.	1 Jun 2008	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan	Ketua Penolong Pengarah E48
5.	1 Okt. 2014	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah	Pengarah E52

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>International Seminar on Information and Communication Technology Statistics</i>	Seoul, Korea	19 - 21 Jul. 2010
2.	<i>Attachment Programme on Micro Data Dissemination</i>	Australia Bureau of Statistics, Australia	12-13 Sept. 2011

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Essential Business Writing for Administrative Professional</i>	Grand Millennium Hotel, Kuala Lumpur	15 - 16 Jan. 2009
2.	Persidangan Perkhidmatan Awam Keempat belas	INTAN Kampus Utama, Bukit Kiara	29 Sept. - 1 Okt. 2009
3.	Kursus Pengurusan Protokol dan Etiket Sosial	Bilik Seminar 2	25 - 26 Mei 2010
4.	Kursus Model Input-Output dan Analisis	Pejabat Operasi Kajang	25 - 27 Okt. 2010
5.	Seminar Melaka Maju Negeri Bandar Teknologi Hijau 2020	MITC	28 - 29 Mac 2011
6.	Kursus Perakaunan untuk Bukan Akauntan	Bilik Latihan Berkomputer	25 - 27 Apr. 2011
7.	<i>Government Transformation Program Roadmap 2.0 Open Day</i>	KL Convention Centre	24 Jul. 2012
8.	Bengkel Amalan 5S Jabatan Perangkaan Malaysia	Bilik Seminar	10 - 11 Nov. 2012
9.	<i>Training of Trainers</i> Perisian Multimedia Bahasa Inggeris	ILSM	2 - 5 Apr. 2013
10.	<i>Capacity Building Workshop : Increasing Destination Competitiveness Through Data &amp; Analytics</i>	Hotel Pullman, Putrajaya	26 Mac 2014
11.	Kursus <i>Leading Organizations Creatively</i>	ILSM	13 - 15 Okt. 2014



# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PAHANG

Nama	: Siti Zakiah Binti Muhamad Isa	Pendidikan Menengah	: Sek. Men. Convent Jalan Peel Kuala Lumpur
Tarikh Lahir	: 28 Jun 1972	Kelulusan	: Bachelor In Economics
Tempat Lahir	: Hospital Universiti, Petaling Jaya	Mula Berkhidmat / Lantikan	: 1 Jun 1999
Pendidikan Rendah	: Sek. Keb. Jalan Pasar (1) Kuala Lumpur		

### Pengalaman Kerja:

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	1 Jun 1999	Bahagian Banci Penduduk dan Perumahan	Perangkawan N3
2.	1 Dis. 2006	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan	Penolong Pengarah E44 / Ketua Penolong Pengarah E48
3.	13 Okt. 2008	Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna	Timbalan Pengarah E48
4.	1 Okt. 2014	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang	Pengarah E52

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>24th Population Census Conference</i>	Hong Kong, China	25 - 27 Mac 2009
2.	<i>I.O.I Regional Training Programme for Asia and Australasia &amp; Pacific Regions</i>	Hong Kong and Macao, China	21 - 25 Mei 2012
3.	<i>The 1st Workshop on Enhancing the ASEAN Community Progress</i>	Bali, Indonesia	16 - 18 Jul. 2012
4.	<i>Final Meeting / Workshop on Enhancing the ASEAN Community Progress</i>	Jakarta, Indonesia	1 - 2 Apr. 2013
5.	<i>The 4th Meeting of the Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics</i>	Manila, Filipina	4 - 5 Jun 2013
6.	<i>The 6th Meeting of the Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics</i>	Jakarta, Indonesia	19 - 20 Nov. 2013
7.	<i>The 7th Meeting of the Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics</i>	Ha Noi, Vietnam	3 - 4 Jul. 2014

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	Persidangan <i>Asia and Pasific Comission on Agricultural Statistics (APCAS)</i>	Kuching, Sarawak	26 Mei 2008
2.	<i>National Statistics Conference</i>	Sasana Kijang, Kuala Lumpur	7 Nov. 2012
3.	<i>The 2nd Workshop on Enhancing the ASEAN Community Progress and 1st Meeting of the Working Group on Data Sharing Analysis, Dissemination and Communication Statistics</i>	Corus Hotel, Kuala Lumpur	13 - 18 Ogos 2012
4.	<i>The 2nd Training on Community Mission Based Dissemination Pilot Project</i>	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya	29 - 31 Jul. 2013
5.	<i>The 5th Meeting of the Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics</i>	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya	1 - 2 Ogos 2013
6.	Sesi Post Mortem Banci Penduduk dan Perumahan	Perak	12 - 13 Sept. 2013
7.	Pelaksanaan Makmal Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) Agensi Sektor Awam	Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya	17 - 20 Feb. 2014
8.	Persidangan <i>ISI Regional Statistics Conference</i>	Kuala Lumpur	17- 19 Nov. 2014

---

---

# TRIBUTE TO YBRs. PN. HJH OMI KELSOM BINTI HJ. ELIAS

---

---

Akar Keladi Melilit Selasih  
Selasih Tumbuh di Hujung Taman  
Kalungan Budi Junjungan Kasih  
Mesra Bertumbuh Sepanjang Zaman

Kuning Emas Masaknya Padi  
Mawar Merah Dalam Jambangan  
Terima Kasih Daun Keladi  
Budi Puan Jadi Sanjungan

Dilahirkan pada tanggal 10 September 1954 di Senggarang, Batu Pahat, Johor. Beliau menerima pendidikan awal di SK Seri Timbul dan seterusnya meneruskan pengajiannya ke SMK Tunku Mahmood Iskandar dan Sekolah Sri Puteri Kuala Lumpur. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) Statistik. Beliau memulakan karier di Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1979.

1979 : Bahagian Demografi  
1981 : MAMPU  
1987 : Bahagian Demografi  
2002 : Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial  
2005 : Bahagian Petunjuk Ekonomi  
2008 : Bahagian Perangkaan Akaun Negara  
2012 : Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi)

Sepanjang berkhidmat beliau telah banyak menyumbang kepada pembangunan produk Jabatan melalui idea yang kreatif dan kritis. Beliau juga merupakan seorang ketua yang dihormati dan teman yang disayangi oleh semua warga Jabatan.

## IN PERSON WITH YBRs. PUAN HJH OMI KELSOM BT. HJ. ELIAS

Putrajaya, 5 September 2014 - Sesi Bicara Eksekutif ini yang dianjurkan oleh PPJPM telah dihadiri oleh 300 warga Jabatan. YBRs. Puan HjH Omi Kelsom binti Hj Elias telah berkongsi ilmu yang sangat bermanfaat berkenaan kualiti kepimpinan, kemahiran & pengetahuan, kerja berpasukan, perhubungan dengan pengguna utama dan analisis SWOT.

Antara titipan dan amanat beliau yang dapat dikongsi agar dapat dihayati dan diamalkan oleh warga Jabatan:

- Penjawat awam perlu memahami bidang tugas yang dilaksanakan, maka keseronokan bekerja akan timbul;



- Penjawat awam perlu meningkatkan pengetahuan melalui pembacaan;
- Penjawat awam perlu menggunakan kebijaksanaan dan berhemah semasa berkomunikasi terutamanya semasa mengemukakan pendapat kepada Ketua; dan
- Penjawat awam perlu mewujudkan persekitaran kerja yang mesra 'Yang tua dihormati yang muda disayangi'.

## MAJLIS SANJUNGAN KASIH SEMPENA PERSARAAN YBRs. PUAN HJH OMI KELSOM

Putrajaya, 8 September 2014 - Majlis Sanjungan Kasih Sempena Persaraan YBRs. Puan HjH Omi Kelsom binti Hj Elias, Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi) telah diadakan di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia Putrajaya. Majlis ini bertujuan untuk merakamkan penghargaan ke atas usaha dan jasa beliau yang telah berbakti kepada Jabatan sejak Ogos 1979 sehingga 10 September 2014.

Majlis ini telah dimeriahkan dengan kehadiran 250 anggota Jabatan dari pelbagai peringkat termasuk YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan, Timbalan Ketua Perangkawan Sosial/Demografi, Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri dan anggota Jabatan di peringkat pengurusan dan sokongan. Antara acara menarik sepanjang majlis ini adalah persembahan multimedia & deklamasi sajak berkenaan perjalanan kerjaya dan jasa Puan HjH Omi Kelsom binti Hj Elias sepanjang 35 tahun berkhidmat di Jabatan, acara memotong kek dan penyampaian cenderahati dari Persatuan, Bahagian, Negeri dan persendirian.

Majlis yang penuh gemilang ini telah diaspirasikan oleh YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan melalui anjuran oleh Program Ekonomi dan telah diterajui oleh PPJPM dengan kerjasama dari persatuan / kelab di Jabatan Perangkaan Malaysia seperti KEPSTATS, PPPJPM, KSS dan lain-lain lagi.

# LAWATAN

Putrajaya, Julai - Disember 2014 - Jabatan telah menerima pelbagai lawatan daripada agensi dalam negara mahupun luar negara. Lawatan seperti ini merupakan salah satu wadah bagi memperkenalkan fungsi Jabatan kepada orang ramai. Antara program lawatan ialah peserta akan diberi taklimat berkenaan maklumat am Jabatan. Selain itu, Bahagian Butiran Perkara yang terlibat akan memberi penerangan berkaitan subjek yang ingin dipelajari oleh peserta lawatan selaras dengan objektif lawatan tersebut diadakan.



## Dalam Negara

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	BIL. PEGAWAI / PESERTA
1.	Research Training Services for PNB Management Trainees	16 Jul. 2014	16
2.	UiTM Machang, Kelantan	5 Sept. 2014	42
3.	UiTM Seremban, Negeri Sembilan	23 Okt. 2014	62
4.	UiTM Shah Alam, Selangor	14 Nov. 2014	82

## Luar Negara

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	BIL. PEGAWAI / PESERTA
1.	Central Statistics Organization Islamic Republic of Afghanistan	22-25 Sept. 2014	4
2.	Lao PDR	17-21 Nov. 2014	4
3.	Madagascar	11 Dis. 2014	9



# KUNJUNGAN HORMAT

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Putrajaya, 18 September 2014 - Sesi Kunjungan Hormat oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi JPA, Dato' Hj. Norzam b. Mohd. Nor telah diadakan di Bilik Dahlia, Aras 8, Jabatan Perangkaan Malaysia.

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH UNSD CONSULTANT

Putrajaya, 26 November 2014 - Ms. Julie Hass, Konsultan UNSD telah mengadakan lawatan ke Jabatan Perangkaan Malaysia pada 24-28 November 2014 bagi memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal untuk projek Development Account on Green Economy/Green Growth Indicators. Malaysia telah dipilih sebagai salah sebuah negara perintis bagi projek ini bagi tempoh 2014-2015, yang memerlukan kerjasama dan komitmen daripada Kementerian/Jabatan/Agensi/Bahagian yang terlibat.



# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)



Putrajaya, 19 September 2014 - Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Bilik Dahlia Aras 8, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. MoU ini telah ditandatangani oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan dan Naib Canselor UUM Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang disaksikan oleh Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi), Tuan Haji Ismail bin Yusoff. Pada majlis tersebut, UUM telah

diwakili oleh Prof. Madya. Dr. Sharipah Soaad Sy. Yahaya, Dekan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Kolej Sastera dan Sains, UUM. MoU ini bertujuan untuk menjalin kerjasama strategik dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan juga negara amnya. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui ialah Jabatan Perangkaan Malaysia akan membekalkan data bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan warga UUM. Dengan ini, kajian yang dilaksanakan akan menghasilkan ilmu atau dapatan baru yang dapat menyumbang kepada program

transformasi negara. Dengan adanya MoU seperti ini, Jabatan secara langsung dapat memperluaskan lagi celik statistik terutama kepada pelajar di peringkat pengajian tinggi.

MoU ini merupakan MoU yang keempat yang ditandatangani bersama IPTA selepas Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Jabatan Perangkaan juga telah membekalkan empat data set mikro kepada UUM, majlis penyerahan data ini telah diadakan pada 2 Disember, 2014 di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Pengajian Sains Kuantitaif, UUM Sintok. Empat data set mikro terdiri daripada data Banci Penduduk dan Perumahan, data Penyiasatan Tenaga Buruh, data Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi rumah serta data Penyiasatan Pembuatan Tahunan. Penyerahan data ini berasaskan kepada Dasar Penyebaran Data Mikro JP. Data Mikro yang dibekalkan adalah di bawah urus tadbir *Data Manager* Pusat Pengajian Sains Kuantitaif, UUM.





## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

Putrajaya, 5 Disember 2014 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengorak langkah dengan memperluaskan lagi hubungan strategik dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 5 Disember 2014, di Bilik Dahlia Aras 8, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. MoU ini merupakan MoU yang kelima yang ditandatangani oleh Jabatan

Dengan termeterainya MoU selama 5 tahun ini, penggunaan dan analisis data

demografi dan sosial ekonomi bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan warga UTHM terutama pensyarah dan pelajar akan dapat ditingkatkan. Kerjasama ini amat penting untuk meningkatkan pengetahuan statistik dalam membuat keputusan berasaskan bukti. Dengan ini, kajian yang dilaksanakan akan menghasilkan ilmu atau dapatan baru yang dapat menyumbang kepada program transformasi negara. Dengan adanya MoU seperti ini Jabatan secara langsung dapat memperluaskan lagi celik statistik terutama kepada para pelajar di peringkat

pengajian tinggi.

Pada majlis tersebut, dokumen MoU telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor UTHM, yang disaksikan oleh Tuan Haji Ismail bin Yusoff, Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi) dan Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman, Pendaftar UTHM. Majlis turut dihadiri oleh Profesor Dr. Hashim bin Saim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

# SESI TEMURAMAH KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA BERSAMA MEDIA BAGI PENYIASATAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH (HIES) DAN BANGCI PERDAGANGAN EDARAN (DT) 2014

Putrajaya, 12 Ogos 2014 - Bersempena pelaksanaan pengumpulan data penting bagi tahun 2014 untuk Jabatan Perangkaan Malaysia, iaitu Banci Perdagangan Edaran (CDT) bermula April hingga September 2014 dan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) mulai Januari hingga Disember 2014, satu sesi temuramah para media bersama Ketua Perangkawan Malaysia telah diatarkan.

Majlis sesi temuramah Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan bersama media telah diadakan pada 12 Ogos 2014, bertempat di Bilik Mawar, Jabatan Perangkaan Malaysia. Sesi temuramah ini bertujuan untuk menguar-uarkan pelaksanaan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) dan Banci Perdagangan Edaran (CDT) yang mana

maklumat daripada banci dan penyiasatan ini akan digunakan dalam pelan pembangunan sosio ekonomi dan pembangunan negara. Penyiasatan ini melibatkan 83,456 isi rumah yang tinggal di rumah kediaman persendirian di seluruh Malaysia. Banci Perdagangan Edaran (CDT) 2014 pula meliputi 700,000 syarikat / perniagaan yang merangkumi subsektor perdagangan borong, perdagangan runcit dan kenderaan bermotor.

Hubungan media yang baik terjalin sejak sekian lama membolehkan semua aktiviti Jabatan mendapat kerjasama daripada pihak media yang berperanan dalam memberi publisiti kepada aktiviti yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Sesi temuramah bermula dengan pengenalan kepada banci dan penyiasatan yang sedang dilakukan dan seterusnya para

media mengajukan soalan kepada Ketua Perangkawan Malaysia. Sebanyak 30 orang media termasuk jurukamera telah hadir dan memberi liputan kepada aktiviti Jabatan ini. Daripada sesi temuramah ini orang ramai telah mendapat informasi yang jelas terhadap sesi lawatan atau turun padang yang sedang dilakukan oleh pegawai banci Jabatan di lapangan. Diharapkan matlamat utama Jabatan supaya mendapat kerjasama orang ramai daripada publisiti ini tercapai.



# SESI *ENGAGEMENT* BERSAMA AGENSI KERAJAAN BERKENAAN STATISTIK KDNK KAEDAH PENDAPATAN

Putrajaya, 11 September 2014 - Jabatan Perangkaan Malaysia terus mengorak langkah dengan mengeluarkan produk baru iaitu statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan pada 21 Julai 2014. Selaras dengan keluaran statistik tersebut, sesi *Engagement* Bersama Agensi Kerajaan Berkenaan Statistik KDNK Kaedah Pendapatan diadakan pada 11 September 2014. Ia bertujuan untuk menjelaskan konsep, metodologi dan hasil penemuan KDNK Kaedah Pendapatan kepada pihak Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Statistik pendapatan yang dikeluarkan oleh Jabatan ini juga disasarkan menjadi rujukan utama semua pihak terutamanya Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi mengukur prestasi ekonomi daripada perspektif pendapatan dalam mencapai

aspirasi kerajaan ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

Sesi tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hassan, Ketua Perangkawan Malaysia. Sebanyak 182 jemputan telah menghadiri sesi tersebut yang merupakan wakil daripada 42 Kementerian dan 75 Agensi Kerajaan. Pembentangan mengenai KDNK Kaedah Pendapatan telah disampaikan oleh Encik Fazrul Azlan bin Othman, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Akaun Negara. Dengan keluaran statistik KDNK Kaedah Pendapatan, Jabatan Perangkaan telah berjaya mengeluarkan statistik tahunan bagi ketiga-tiga kaedah pengiraan KDNK iaitu Kaedah Pengeluaran, Perbelanjaan dan Pendapatan sebagaimana yang dikeluarkan oleh badan statistik negara maju yang lain.



# PEMBENTANGAN KERTAS TEKNIKAL JABATAN KE-6, 2014

Putrajaya, 29-30 September 2014 – Sesi Pembentangan Kertas Teknikal Jabatan kali ke-6 telah diadakan di Dewan Auditorium, Aras 4, Blok C1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kompleks C, Putrajaya. Acara ini merupakan acara tahunan Jabatan. Tujuh jawatankuasa yang diketuai oleh Bahagian Perdagangan Luar Negeri dipertanggungjawabkan untuk menjayakan program ini. Semua bahagian di Jabatan ini, kecuali Bahagian Khidmat Pengurusan, telah membentangkan topik berkaitan bidang kerja masing-masing. Sebanyak 16 kertas teknikal telah dibentangkan termasuk satu dari kader di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dalam program tersebut, YBhg. Datuk Ketua Perangkawan turut memohon agar Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri

dan pegawai kanan Jabatan untuk bersama-sama dengan anggota seliaan masing-masing menyediakan kertas teknikal dan menerbitkannya dalam jurnal Jabatan Perangkaan ataupun jurnal lain. Warga Jabatan turut digalakkan untuk menghantar jurnal kepada institusi di luar negara, dengan syarat tidak melanggar Akta Statistik yang telah digariskan.

Antara objektif pembentangan Kertas Teknikal ini adalah untuk:

- menggalakkan penulisan teknikal dalam kalangan pegawai Jabatan Perangkaan;
- menggalakkan perkongsian ilmu dan maklumat antara bahagian; dan
- memberi pendedahan kepada pegawai untuk membentangkan kertas kajian.

Sesi pembentangan ini mampu meningkatkan tahap kompetensi anggota dalam menganalisis subjek masing-masing. Selain itu, semangat kerjasama dapat diterapkan dalam kalangan anggota Bahagian dan serta perkongsian ilmu antara warga Jabatan.



# THE ISI REGIONAL STATISTICS CONFERENCE (ISI-RSC 2014)

Kuala Lumpur, 16-19 November 2014 - *The ISI Regional Statistics Conference (ISI-RSC)* merupakan persidangan statistik yang julung kali diadakan di Malaysia yang telah mengangkat martabat Malaysia sebagai Negara persidangan sains statistik bertaraf antarabangsa. Persidangan ini telah diadakan di Sasana Kijang pada 16-19 November 2014 dengan tema "*Statistical Science for A Better Tomorrow*". Persidangan ini dianjurkan oleh *International Statistical Institute (ISI)* dan *South East Asia Regional Network* dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Institut Statistik Malaysia. Persidangan ISI-RSC ini merupakan platform kepada penyelidik

dan pengamal statistik serta pengguna dan pembuat dasar dari seluruh dunia untuk membincangkan perkembangan baru dalam bidang sains statistik. Sebanyak 29 pegawai dari Jabatan telah menghadiri persidangan ini yang diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan Malaysia dan YBrs. Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi).



# HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2014

Serdang, 29 Oktober 2014 – YAB Tan Sri Dato Hj. Muhyiddin Hj. Yassin telah merasmikan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014 yang bertemakan “Menyemarakkan Inovasi, Merealisasikan Inovasi”. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan D, Agro Exposition Park Serdang. Antara aktiviti yang berlangsung dilaksanakan sepanjang program tersebut adalah Sesi Bicara Inovasi, Pertunjukan Inovasi, Taman Inovasi, tayangan Montaj Transformasi Berteraskan Inovasi JPM serta Pameran dan Bazar. Bagi sesi Bicara Inovasi, Ketua Pegawai Eksekutif KRU Production, Encik Norman Abdul Halim telah berkongsi pengalaman beliau dalam bidang perfileman negara.

Selain itu, beberapa anugerah berkaitan Inovasi turut disampaikan pada majlis tersebut seperti Anugerah Inovasi JPM (AIJPM) 2013, Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif JPM 2014, Anugerah Pengurusan JPM, Gerai Pameran Terbaik dan lain-lain. Jabatan Perangkaan Malaysia telah berjaya menerima anugerah Inovasi JPM bagi Kategori Non-ICT iaitu kemenangan melalui sistem e-services. Selain itu, Jabatan turut memenangi tempat kedua bagi Kategori Gerai Pameran Terbaik. Syabas dan tahniah kepada warga Jabatan yang berjaya mengharumkan nama Jabatan.



## MAJLIS APRESIASI MEDIA BERSAMA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Kuala Lumpur, 12 September 2014 – Majlis Apresiasi Media yang merupakan acara tahunan Jabatan telah diadakan di Grand Ballroom Hotel Flamingo by the Lake. Majlis ini merupakan satu tanda penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh pihak media

dalam menguar-uarkan dan menghebahkan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan. Usaha ini juga merupakan langkah proaktif yang diambil oleh Jabatan untuk mendekatkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara Jabatan dan pihak media. Selain itu, Jabatan turut mempromosi dan menyebarkan maklumat terkini berkaitan penerbitan dan aktiviti yang dirancang pada tahun hadapan.

Acara ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar. Sebanyak 40 wakil media yang terdiri daripada pelbagai agensi telah hadir pada majlis tersebut. Semua wakil media yang hadir diberikan sijil penghargaan dan cenderahati.



## MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Kerajaan telah mengisytiharkan tarikh 5 November setiap tahun sebagai Hari Integriti Nasional bermula pada tahun 2005 bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup masyarakat Malaysia.

Di bawah terma Pembudayaan Nilai-nilai Murni dan Kod Etika melalui Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus, telah digariskan bahawa setiap agensi dikehendaki mengadakan sambutan Hari Integriti dengan harapan agar pelaksanaan dan penghayatan agenda integriti dalam Perkhidmatan Awam dapat dilaksanakan dan dipraktikkan sepanjang masa.

Sehubungan itu, Jabatan telah mengambil inisiatif menganjurkan Sambutan Hari Integriti yang bertujuan untuk memberi pendedahan tentang pemantapan etika dan integriti dalam kehidupan seharian, di samping melahirkan anggota yang mempunyai nilai moral yang tinggi serta nilai kerohanian yang utuh. Sambutan ini akan memberi peluang kepada warga Jabatan dalam mendapatkan pendedahan dan penghayatan serta meningkatkan tahap integriti pada diri sendiri, keluarga serta masyarakat.

Sambutan di peringkat Ibu Pejabat telah diadakan pada 25 November 2014 yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia. Majlis ini telah menghimpunkan seramai 300

peserta. Pengisian utama majlis ini adalah ceramah bertajuk "Rasuah & Integriti" yang disampaikan oleh YBrs Tuan Penguasa Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Jamaluddin bin Haji Bakar dari Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya. Bacaan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam dan persembahan multimedia mengenai rasuah juga diadakan. Di samping itu, pameran mengenai Rasuah

juga disediakan oleh SPRM bagi memberi perkongsian kepada warga Jabatan.

Adalah menjadi harapan Jabatan agar majlis seperti ini dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada warga Jabatan mengenai kepentingan integriti dalam melaksanakan kerja di samping dapat membentuk pegawai dan anggota yang berdisiplin dan berintegriti.



## MAJLIS SILATURAHIM DAN PENGIMARAHAN RAMADHAN

Majlis Silaturahmi & Pengimarahhan Ramadhan Al-Kareem 2014 telah diadakan dengan jayanya pada 23 Julai 2014 bersamaan 25 Ramadhan 1435H bertempat di Aras 2, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis anjuran Jabatan dengan kerjasama PERKISA, PUSPANITA (Cawangan Jab. Perangkaan) dan Kelab Sukan Statistik ini telah disempurnakan oleh YB. Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut memeriahkan majlis ini adalah YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia.

Majlis yang dihadiri seramai 300 orang warga jabatan ini dimulakan dengan alunan bacaan Al-Quran surah Al- Fath (ayat 1 - 6) oleh Encik Muhd Assamarqandi Lee bin Abdullah dan diikuti dengan sesi penyampaian sumbangan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri

untuk beberapa kategori penerima seperti berikut:

- Anak Yatim Anggota Jabatan seluruh Malaysia seramai 45 orang.
- Anggota Jabatan yang terpilih seramai 22 orang.

Turut disampaikan sumbangan penghargaan kepada wakil peserta taddarus Al-Quran lelaki dan wanita sebanyak 201 orang.

Seterusnya majlis ini disusuli dengan sesi tazkirah Ramadhan yang telah disampaikan oleh Ustaz Muhd Redza bin Ahmad, Imam Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Kemudian majlis disambung dengan majlis berbuka puasa dan solat Maghrib, Isyak dan Terawih yang telah disempurnakan di Surau Serbaguna C7 yang dipimpin oleh Ustaz Muhd Redza bin Ahmad. Majlis seumpama ini diadakan bukan sahaja sekadar memenuhi tradisi acara tahunan Jabatan, tetapi dapat menjadi pemangkin untuk merealisasikan objektif dan misi majlis, iaitu mengeratkan hubungan sesama warga Jabatan dan juga dapat mengimarahkan pengertian bulan Ramadhan untuk manfaat bersama.

Antara maksud sabda Rasulullah s.a.w.

“Puasa itu perisai yang dipergunakan seorang hamba untuk membentengi dirinya dari siksaan neraka” (HR Ahmad) ,

“Sedekah yang paling utama adalah sedekah pada bulan Ramadhan” (HR at-Tirmidzi)

“Barangsiapa memberi makan kepada orang yang berbuka puasa maka dia memperoleh pahalanya, dan pahala bagi yang (menerima makanan) berpuasa tidak dikurangi sedikitpun”(HR Tirmidzi).



## MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah disambut dengan meriahnya oleh semua warga Jabatan pada 21 Ogos 2014. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Senator Dato' Sri Wahid Omar.





## AKTIVITI PAMERAN

### HARI TERBUKA UKM PADA 8 DAN 9 OKTOBER 2014

Bangi, 8-9 Oktober 2014 - Jabatan Perangkaan Malaysia menerima pelawaan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk turut serta dalam Hari Terbuka Universiti Kebangsaan Malaysia. Program ini bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan sebagai agensi kerajaan unggul yang bertanggungjawab mengeluarkan statistik rasmi, berintegriti dan *reliable*.

Pameran yang diadakan mendapat sambutan luar biasa daripada siswa dan siswi yang berminat dengan data yang diterbitkan oleh Jabatan. Para pendidik yang terdiri daripada pensyarah juga tidak kurang hebatnya memberi maklum balas terhadap program yang dijalankan sepanjang dua hari itu.

Selain daripada data, para pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan anggota bertugas bagi mendapatkan info semasa, pengedaran risalah, khidmat nasihat dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Program seperti ini merupakan salah satu cara mempromosikan Jabatan Perangkaan Malaysia kepada orang ramai khususnya para pelajar yang banyak menggunakan data dalam pelajaran mereka. Selain itu, mereka turut diingatkan supaya memberi kerjasama sekiranya terpilih sebagai responden semasa banci atau kajian / penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan.

### HARI PUSPANITA PERINGKAT KEBANGSAAN PADA 20 DAN 21 OKTOBER 2014

Putrajaya, 20-21 Oktober 2014 - Jabatan Perangkaan Malaysia buat julung kalinya menyertai Hari Pusanita Peringkat Kebangsaan yang bertempat di Puspanitapuri, Dewan Seri Endon, Putrajaya. Antara program yang berlangsung adalah pameran oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk daripada Jabatan.



Produk dan perkhidmatan Jabatan dapat diperkenalkan kepada pengunjung yang rata-rata terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Acara kemuncak program ini ialah penerimaan sijil dan cenderahati dalam kalangan peserta pameran yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

### PAMERAN DI *INTERNATIONAL STATISTICAL INSTITUTE REGIONAL STATISTICS CONFERENCE 2014* PADA 17 HINGGA 19 NOV 2014 DI SASANA KIJANG, KUALA LUMPUR

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyertai pameran bersempena *International Statistical Institute Regional Statistics Conference 2014* yang telah berlangsung selama tiga hari. Persidangan ini telah dihadiri oleh wakil statistik seluruh dunia dan *booth* pameran Jabatan Perangkaan Malaysia mendapat sambutan yang hebat dari wakil persidangan yang ingin mendapatkan info tentang data dan perangkaan yang dikeluarkan oleh Malaysia.

Dalam pameran pada kali ini publisiti banyak diberikan kepada e-Services iaitu salah satu produk Jabatan yang boleh dibanggakan kerana telah mendapat anugerah Gangsa bagi kategori bukan ICT. Malah melalui penggunaan e-Services pengguna mudah mendapatkan data yang diperlukan. Melalui pameran seperti ini Jabatan Perangkaan Malaysia dapat diuar-uarkan kepada orang luar terutamanya peserta antarabangsa.



# AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN

## LAWATAN TURUN PADANG PUSPANITA



## PERTANDINGAN BADMINTON ANTARA BAHAGIAN JP 2014 (TERTUTUP)

Putrajaya, 6 September 2014 - Pertandingan Badminton Antara Bahagian JP 2014 (Tertutup) Jabatan Perangkaan Malaysia telah diadakan dengan jayanya di Gelanggang Badminton, Institut Penilaian Negara (INSPEN), Putrajaya. Pertandingan ini dianjurkan oleh Kelab Sukan Statistik. Sebanyak 8 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini iaitu BKP, Minlon, Air Blade, Line 7, Fantastic 4, BPM Rovers, F5 Smasher dan Sixer. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

<b>JUARA</b>	<b>Air Blade</b>
<b>NAIB JUARA</b>	<b>Line 7</b>
<b>KETIGA</b>	<b>F5 Smasher dan BPM Rovers</b>

